

PERDANA MENTERI SIFATKAN APA YANG DIBUAT OLEH PAS SEBAGAI 'PAK PANDIR' KERANA TERTIPU DENGAN SEGALA MUSLIHAT DAP

PALANGAN DAP: SIAPA YANG UNTUNG?

Oleh MIOR KAMARUL SHAHID

APAKAH untung dan ruginya pakatan sulit PAS dan DAP? Yang menjadi persoalan yang mesti dijawab oleh semua rakyat sebelum mereka mengundi.

Dari angka yang diberikan oleh Timbalan Perdana Menteri, Datuk Musa Hitam menerusi analisisnya, DAP tidak rugi sedikit pun. Sebaliknya, PAS terpaksa mengorbankan maruahnyanya hanya untuk memenuhi tipu muslihat DAP semata-mata.

Andalannya amat mudah. Perdana Menteri, Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad ketika memberi ceramah kepada lebih 2,000 penyokong Barisan Nasional di Kampung Kerinci, Kuala Lumpur berkata PAS terpaksa memberikan pelung kepada DAP mendapat tiga kerusi yang dipertandingkan manakala DAP hanya memberi satu kerusi.

Pak Pandir

Ini disebabkan PAS meletak kesemua 69 calon di 69 kawasan sedangkan DAP meletakkan 22 calon di 22 kawasan.

Ini adalah kerjasama berat sebelah kerana ia benar-benar memberi kepentingan yang lebih kepada DAP.

Perdana Menteri menfatikan apa yang dilakukan oleh PAS sebagai 'Pak Pandir' kerana terpedaya dengan tipu muslihat DAP.

Dalam hubungan ini

nampaknya, DAP telah berjaya dalam mempengaruhi PAS dengan menggunakan pakatan sulit demi kepentingan politik mereka.

APA yang harus ditimbang masak-masak oleh pengundi ialah lojikah 69 calon diletakkan oleh PAS bertanding di kawasan di mana DAP bertanding dan pengundi-pengundi ialah bukan Melayu.

Sebaliknya, wajarkah seramai 22 calon DAP diletakkan di kawasan majoriti Melayu di mana PAS bertanding. Corak pakatan yang sama seperti apa yang dilakukan dalam pilihanraya 1969 itu hanyalah bertujuan tidak lain dari memecahkan undi.

Bagi pengundi Melayu, sekiranya mereka menerima hakikat itu bermakna mereka meletakkan diri ke satu kenecek kehancuran kerana penanan yang dimainkan oleh DAP adalah satu strategi politik yang akhirnya memulaukan orang-orang Melayu sendiri.

Kita tentu yakin bahawa para pengundi sudah dapat meneka tipu-tipulah kedua parti pembangkang itu tetapi bagi mereka yang masih terpengaruh, eloklah berfikir semasa-maksaknya sebelum membuat keputusan.

Parti-parti pembangkang sudah tentu tidak dapat memerintah negara ini memandangkan kerusi yang dipertandingkan oleh mereka jauh lebih kecil dari Barisan Nasional.

APA yang dikejar

oleh pemimpin-pemimpin pembangkang ini hanyalah kerusi empuk dan bukannya memperjuangkan kepentingan rakyat.

Hanya Kerajaan yang memerintah berani melakukan apa sahaja setelah kemerdekaan tercapai 25 tahun lalu.

APA yang boleh ditolak oleh pembangkang ialah bercakap ke sana kemari. Mereka mengatakan itu tidak betul, sambil menggunakan kereta besar dan memandu di atas jalan raya yang dihuni oleh kerajsaan.

APA yang peliknya ialah pihak pembangkang tidak pernah menyebut kejayaan yang telah kerajsaan buat untuk rakyat. Mereka hanya membangkitkan perkara yang belum ada.

Rakyat juga haruslah fikir, walaupun waktu yang dipilih itu dapat mewakili mereka tetapi mereka terutamanya pembangkang hanya menyampaikan aduan kepada kerajsaan sedangkan kerajsaanlah yang akan menyelesaikan setiap masalah.

Bagaimanapun, atas sifat mempercayai dan menggunakan sistem demokrasi berparlimen, kerajsaan tetap bersedia menghadapi apa jua cabaran yang di kemukakan oleh parti pembangkang ini.

Bak kata Datuk Seri Dr. Mahathir, pilihanraya ini bukanlah terhad kepada sesuatu kawasan sahaja tetapi ia dijalankan di seluruh

negara. Tiap-tiap satu kawasan yang dipertandingkan akan mempengaruhi kawasan lain.

Hakikat ini haruslah diamati betul-betul kerana ia mempunyai implikasi yang besar yang dapat mempengaruhi para pengundi.

Kedudukan ini timbul apabila Barisan Nasional meletakkan calon-calon dari parti komponen yang mungkin menimbulkan perasaan curiga di kalangan penyokong-parti komponen yang lain walaupun ia sepatutnya tidak harus wujud.

Minoriti

Penyokong-penyokong parti yang disebutkan itu mungkin enggan menyokong calon Barisan Nasional kerana tidak puas hati atas pemilihan calon berkenaan.

Tapi kita tidak harus lupa, kerana keadaan yang sama juga berlaku di kawasan lain di mana komponen parti yang satu lagi itu pula bertanding di mana ia juga memerlukan sokongan dari penyokong-penyokong parti yang lain pula.

Ini jelas menunjukkan golongan minoriti pengundi memainkan peranan penting untuk kemenangan sesuatu parti di satu-satu kawasan.

Sebagai contoh, boleh dibandingkan keadaan di Damansara yang mempunyai lebih 60,000 penduduk, minoriti terdiri dari orang Melayu kira-kira 33,000 pengundi.

Jadi, sekiranya ada Melayu yang telah berpecah dua enggan menyokong calon Barisan Nasional terdiri dari wakil MCA itu bermakna satu keadaan buruk boleh berlaku. Ini telah pun terbukti dalam pilihanraya 1978 lalu.

Bagaimana pula keadaan ini berlaku di kawasan majoriti Melayu dan minoriti kaum Cina diletakkan calon UMNO bertanding bersama PAS dan DAP?

Tidak ada bezanya, sekiranya orang-orang Melayu tidak menyokong Parti MCA di Damansara, MCA atau Gerakan juga tidak akan menyokong calon UMNO di mana undi kaum minoriti di satu-satu kawasan itu adalah undi penentu.

Tidak ada penawar yang dapat mengubat penyakit ini melainkan memahami hakikat kepentingan Barisan Nasional yang memperjuangkan semua kaum di negara ini.



● DATUK SERI DR MAHATHIR

Bahan asal dari Arkib Negara Malaysia



● DATUK HAJI MOHD ASRI

● ENCIK LIM KIT SIANG